



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
KASIH KANAK-KANAK DAN JELAJAH KASIH KOMUNITI
TAHUN 2025**

LOKASI/ TARIKH/ MASA

**PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK POKOK SENJA, KEDAH
13 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | 8.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI,
Terima kasih kepada pengacara majlis**

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak dan Jelajah Kasih Komuniti Tahun 2025.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKMN KEDAH) atas usaha menjayakan program ini.
3. Kita berkumpul pada hari ini dengan satu matlamat iaitu untuk menggerakkan seluruh lapisan masyarakat termasuk ibu bapa beserta komuniti setempat agar bersama-sama memastikan kebajikan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak terpelihara sepenuhnya.

4. Usaha ini juga menyokong inisiatif kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
KASIH KANAK-KANAK DAN JELAJAH KASIH KOMUNITI
TAHUN 2025.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Program yang kita anjurkan hari ini bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan satu komitmen kolektif dalam memastikan suara kanak-kanak didengari, hak mereka dihormati dan kesejahteraan mereka terjamin dalam segenap aspek kehidupan.

6. Merujuk kepada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, sebanyak **514 kes** telah didaftarkan bermula **Januari sehingga Julai 2025 di Kedah** dan **37 kes adalah dari daerah Pokok Sena**.
7. Jumlah kes ini perlu diberi perhatian untuk kita sama-sama mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya.

8. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak ini merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan **untuk mengurangkan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak** dan ia telah dilaksanakan di seluruh Malaysia pada tahun 2024.

9. Bagi Negeri Kedah, sebanyak **33 buah sekolah** telah terlibat dalam program advokasi ini yang berjaya melibatkan penyertaan seramai **10,303 peserta**. Di **Daerah Pokok Sena** program advokasi ini telah dilaksanakan di **10 buah sekolah**. Antara sekolah yang terlibat adalah **Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit dan SMK Pokok Sena** melibatkan seramai **546 orang peserta**.

10. Susulan kejayaan 2024, Kerajaan akan melaksanakan program ini di **300 buah sekolah lagi pada tahun 2025 sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan ini.**

11. Sebagai nilai tambah dalam **Teras Strategik untuk Melindungi dan Membangun Kanak-Kanak**, Kerajaan telah memperluaskan pelaksanaan kepada **30 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)** di seluruh **Malaysia**. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh advokasi perlindungan kanak-kanak, sebagai satu **gerakan nasional yang menyeluruh dan inklusif**.

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik yang telah memberikan sokongan dan kerjasama yang amat berharga dalam menjayakan program advokasi ini. Khususnya kepada Kawasan Rukun Tetangga Tunku Bendahara dan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak Kulim.

13. Kerjasama erat daripada semua pihak membolehkan program ini mencapai objektif utama iaitu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya keselamatan dan perlindungan kanak-kanak, serta memperkukuh jaringan komuniti.

14. Dalam era pendigitalan, kanak-kanak semakin terdedah kepada pelbagai bentuk risiko penderaan fizikal dan emosi, pengabaian, eksploitasi atas talian, buli siber dan sebagainya. Justeru itu, saya menyeru kepada semua pihak untuk cakna dan melaporkan sebarang kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak di platform **Talian Kasih** iaitu **15999** atau melalui aplikasi **Whatsapp 019-2615999** dan **Aplikasi Mobile Talian Kasih** bagi bantuan segera.

PROGRAM KAYUHAN JELAJAH KASIH KOMUNITI TAHUN 2025

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Pada hari ini, kita juga mengadakan program Kayuhan Jelajah Kasih Komuniti Tahun 2025. Kayuhan Jelajah Kasih ini bukanlah sekadar aktiviti riadah fizikal semata-mata ianya merupakan **inisiatif murni untuk menyantuni dan membantu golongan yang**

memerlukan, setiap kayuhan yang dilaksanakan hari ini adalah simbolik kepada keprihatinan dan empati terhadap insan-insan yang kurang bernasib baik di sekeliling kita. Melalui program seperti ini dapat mendekati golongan sasaran agar tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan negara.

16. Selain itu, program Kayuhan Jelajah Kasih turut memainkan peranan signifikan dalam **memupuk semangat perpaduan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat**, dalam sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian kaum, budaya dan agama semangat perpaduan adalah tiang seri yang menyokong kestabilan dan kemakmuran.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

18. Semoga pertemuan kita pada pagi ini menjadi suntikan semangat untuk terus memperkasa peranan kita sebagai ahli masyarakat, ibu bapa, mahupun penjaga dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan setiap kanak-kanak terus terpelihara dan dilindungi.
19. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dan Jelajah Kasih Komuniti Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD

Timbalan Menteri

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

13 September 2025